

Cambridge IGCSE™

MALAY**0546/01**

Paper 1 Listening

For examination from 2028

SPECIMEN TRANSCRIPT

Approximately 50 minutes (including 6 minutes' transfer time)



This document has **14** pages.

E Cambridge International Education, Cambridge IGCSE, Specimen examination in Malay. Paper 1, Listening

M1 Soalan-soalan 1 hingga 8

M1 Anda akan mendengar beberapa rakaman ringkas.

M1 Anda akan mendengar setiap rakaman sebanyak **dua** kali.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak jawapan yang betul **A, B, C** atau **D**.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
3 seconds	4 seconds	5 seconds	6 seconds

M1 Anda akan pergi berkhemah dengan rombongan sekolah anda.

M1 Soalan 1

M1 Anda mahu tahu pada pukul berapa bas akan bertolak esok. Guru berkata.

F1 * Bas akan bertolak esok pagi pada pukul lapan.

M1 Pada pukul berapa bas akan bertolak? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan 2

M1 Anda dahaga. Kawan anda berkata:

F1 * Awak boleh minum air saya.

M1 Apa yang anda boleh minum? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan 3

M1 Bas berhenti. Guru berkata:

F1 * Kita berhenti di sini untuk membeli makanan.

M1 Apakah yang anda boleh beli di sini? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan 4

M1 Bas tiba di tempat perkhemahan. Guru berkata:

F1 * Dalam satu jam, kita berkumpul dekat pintu pagar masuk.

M1 Di manakah mereka akan berkumpul? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan 5

M1 Semasa makan, guru berkata:

F1 * Selepas makan kita akan mengambil gambar di atas gunung.

M1 Apakah yang mereka boleh buat di atas gunung? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan 6

M1 Kawan anda, Ani, berkata:

F1 * Kaki saya sakit.

M1 Ani sakit apa? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan 7

M1 Sebelum tidur, anda pasang radio. Anda dengar:

F1 * Angin kuat pada waktu pagi.

M1 Bagaimanakah keadaan cuaca pada waktu pagi? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan 8

M1 Semasa sampai di sekolah, Ani berkata:

F1 * Alamak! Di mana telefon bimbit saya?

M1 Ani cari apa? **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

M1 Soalan-soalan 9 hingga 14

M1 Anda akan mendengar satu pengumuman tentang suatu acara istimewa. Anda akan mendengar pengumuman ini sebanyak **dua** kali.

M1 Pengumuman akan dihentikan seketika.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A, B, C** atau **D**.

M1 Sekarang anda ada masa untuk membaca soalan-soalan berikut.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
30 seconds	38 seconds	45 seconds	60 seconds

F1 * Selamat datang ke pusat membeli-belah Damai! Kami harap anda akan menikmati pelbagai jualan murah dan hiburan selama seminggu. Pasti ada sesuatu yang menarik untuk setiap ahli keluarga anda.

F1 Pada setiap hari, ada persembahan tarian tradisional. Para penari dari seluruh negara akan datang untuk menunjukkan keistimewaan mereka.

F1 Kanak-kanak di bawah umur 10 tahun boleh mengambil bahagian dalam pertandingan melukis yang diadakan di kawasan permainan. Jangan lupa membawa adik-adik, anak-anak atau cucu-cucu anda!

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
5 seconds	6 seconds	8 seconds	10 seconds

F1 Kalau anda berbelanja lebih daripada dua ribu ringgit sepanjang minggu ini, anda akan berpeluang mendapat tiket penerbangan percuma untuk dua orang untuk bercuti di Bali; sebuah pulau indah di Indonesia. Jangan lepaskan peluang ini.

F1 Sepanjang minggu ini, anda berpeluang untuk mencuba alat-alat senaman di bahagian sukan. Raket tenis juga dijual pada potongan harga 50 peratus.

F1 Pada setiap malam, di pasar raya, ada jualan buah-buahan dari luar negara. Ada juga pertunjukan mengukir buah-buahan sebagai hiasan. Sungguh menakjubkan! **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

M1 Sekarang anda akan mendengar pengumuman ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to **)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

M1 Soalan-soalan 15 hingga 19

M1 Anda akan mendengar dialog antara Jane dengan Ahmad tentang tempat-tempat yang Jane pernah melawat.

M1 Anda akan mendengar dialog ini sebanyak **dua** kali.

M1 Untuk soalan **15–19**, padankan nama tempat dengan kenyataan yang betul (**A–F**). Bagi setiap tempat, tulis huruf yang betul (**A–F**) di atas garis jawapan.

M1 Sekarang anda ada masa untuk membaca maklumat.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
30 seconds	38 seconds	45 seconds	60 seconds

M1 * Hello Jane. Saya tahu awak baru balik dari Tokyo, bukan? Boleh ceritakan sedikit tentang percutian itu?

F1 Percutian saya di Tokyo memang hebat!! Saya pergi ke sana untuk menikmati budaya Jepun terutama sekali cara mereka memasak. Setiap malam saya mengunjungi pelbagai restoran yang berbeza.

M1 Tempat-tempat apa lagi yang awak suka?

F1 Saya pernah melawat London sebanyak dua kali. Bapa saudara saya dan keluarganya sudah lama tinggal di sana. Saya pernah tinggal selama sebulan dengan dia.

M1 Saya tahu awak pernah pergi ke Paris sebab semua orang yang saya kenal sudah pernah melawat kota raya itu.

F1 Ya, saya pergi ke Paris tahun lepas atas urusan kerja. Saya terkejut. Saya tidak boleh bercakap Bahasa Perancis, tetapi semua orang sungguh mesra. Mereka selalu cuba memahami apa yang saya kata.

M1 Saya rasa Amsterdam juga mengagumkan.

F1 Memang betul. Semasa saya di Amsterdam, saya teringat Jakarta. Amsterdam dan Jakarta mempunyai kaitan sejarah. Wah! Butik-butiknya!!! Orang di sana sungguh pandai bergaya.

M1 Adakah tempat yang awak akan melawat sekali lagi?

F1 Ya, saya pergi ke Stockholm pada musim sejuk. Waktu siangnya pendek dan matahari terbenam lebih awal. Sayangnya, sebab ada banyak tempat yang mahu saya lawati. Jadi, saya akan kembali ke sana pada musim panas. **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

M1 Sekarang anda akan mendengar dialog ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
10 seconds	13 seconds	15 seconds	20 seconds

M1 Soalan-soalan 20 hingga 28

M1 Anda akan mendengar satu temu bual dengan Kamalia, seorang penulis buku kanak-kanak. Temu bual ini terdapat dalam **dua** bahagian.

M1 Rakaman dihentikan sekejap selepas bahagian pertama sebelum bahagian kedua dimulakan.

M1 Bahagian 1: Soalan-soalan 20 hingga 24

M1 Anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini sebanyak **dua** kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

M1 Sekarang anda ada masa untuk membaca **soalan-soalan 20 hingga 24**.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
30 seconds	38 seconds	45 seconds	60 seconds

M1 * Helo Kamalia.

F1 Helo.

M1 Tolong ceritakan bagaimana anda mula menulis.

F1 Sejak dari kecil lagi, saya suka membaca, terutama sekali dengan ibu dan bapa saya. Kawan-kawan saya lebih suka menonton televisyen. Pada usia 10 tahun, saya mula menulis dalam diari saya.

M1 Kamalia menulis tentang apa dalam diari?

F1 Pada masa rakan-rakan saya menulis cerita tentang haiwan, saya berbeza sedikit daripada mereka. Tema kegemaran saya ialah tokoh-tokoh menarik yang saya temui. Bagi saya, mereka adalah lebih mengagumkan.

M1 Apakah yang membuat anda menulis buku untuk kanak-kanak?

F1 Semasa bercuti di luar negara, saya membuat catatan tentang bandar, sejarah dan budaya. Saya mula menulis tentang empat orang kawan yang menjelajah Eropah.

M1 Pada pendapat anda, apakah yang membuat kanak-kanak menulis ?

F1 Bertentangan dengan pendapat ramai, ibu bapa dan guru, saya fikir melayari internet memberi ilham kepada kanak-kanak untuk menulis. Mereka mempelajari tentang tempat-tempat yang mungkin mereka tidak akan dapat lawati.

M1 Bilakah anda mendapat masa untuk menulis?

F1 Selepas seharian di pejabat, menulis membantu saya melepaskan tekanan. Saya cuba menulis pada waktu malam apabila semua orang sudah tidur dan tidak mengganggu saya. **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
15 seconds	19 seconds	23 seconds	30 seconds

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian pertama temu bual ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
15 seconds	19 seconds	23 seconds	30 seconds

M1 Bahagian 2: Soalan-soalan 25 hingga 28

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual dengan Kamalia sebanyak **dua** kali. Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A**, **B** atau **C**.

M1 Sekarang anda ada masa untuk membaca **soalan-soalan 25 hingga 28**.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
30 seconds	38 seconds	45 seconds	60 seconds

M1 *** Apa lagi minat anda?

F1 Sudah tentu isu alam sekitar! Saya tinggal di luar bandar yang tidak banyak kenderaan dan udaranya bersih, tetapi saya tidak suka melihat segala benda yang orang tidak mahu, dibuang di tepi jalan.

M1 Jadi, adakah rumah anda mesra alam?

F1 Saya suka menanam pokok bunga di taman saya. Saya memilih tanaman yang menarik pelbagai jenis serangga. Yang paling penting ialah menanam tanaman yang tidak memerlukan banyak air, jadi saya boleh memulihara sumber alam semula jadi.

M1 Apakah pendapat anda tentang e-Buku?

F1 E-Buku senang dibaca tetapi saya masih suka buku kertas. Saya menyimpan buku-buku lama nenek saya dan saya suka rasa buku-buku ini di tangan saya.

M1 Apakah yang anda ingin buat pada masa depan?

F1 Saya mahu terus mengembara! Saya ingin pergi ke tempat-tempat di mana penduduknya mesra tetapi tidak dikunjungi pelancong. Saya mahu berehat.

M1 Terima kasih, Kamalia. ****

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
15 seconds	19 seconds	23 seconds	30 seconds

M1 Sekarang anda akan mendengar bahagian kedua temu bual ini untuk kali kedua.

(Repeat from *** to ***)

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
15 seconds	19 seconds	23 seconds	30 seconds

M1 Soalan-soalan 29 hingga 34

M1 Anda akan mendengar temu bual dengan Sam tentang pengalamannya sebagai sukarelawan di kem pelarian di Calais, di negara Perancis. Anda akan mendengar temu bual ini sebanyak **dua** kali.

M1 Ada tempat berhenti semasa temu bual.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam kotak yang betul **A, B, C** atau **D**.

M1 Sekarang anda ada masa untuk membaca soalan-soalan berikut.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
60 seconds	75 seconds	90 seconds	120 seconds

F1 * Halo Sam. Boleh anda perkenalkan diri anda?

M1 Ya, tentu sahaja boleh! Saya berasal dari Malaysia. Saya belajar ekonomi di negara Perancis. Beberapa bulan dahulu, saya telah pergi ke satu persidangan dan saya jumpa seorang kawan yang bekerja sebagai sukarelawan di sebuah kem pelarian di Calais, di utara Perancis. Dia mahu saya ikut dia ke sana untuk membuat kerja-kerja sebagai sukarelawan.

F1 Dan kemudian...?

M1 Kawan saya mengajar Bahasa Perancis kepada pelarian. Apabila saya melihat kem mereka, saya teringin untuk menolong. Pelarian-pelarian memerlukan pelbagai benda – tempat tinggal yang selamat, pakaian dan banyak lagi. Saya membantu memasak di dapur. Banyak yang saya belajar dari pengalaman ini.

F1 Oh, ya ka?

M1 Pengalaman di kem pelarian telah mengubah hala tuju kerjaya saya. Walaupun pada masa ini saya belajar ekonomi, sekarang saya ingin belajar pengurusan krisis. Apabila berlaku sesuatu bencana seperti gempa bumi, saya mahu menolong badan-badan amal menguruskan tindak balas mereka dengan berkesan.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
15 seconds	19 seconds	23 seconds	30 seconds

F1 Adakah anak-anak muda sahaja yang menjadi sukarelawan?

M1 Muda dan tua. Yang menariknya, saya bertemu dengan keluarga-keluarga yang membawa anak-anak kecil mereka semasa mereka bekerja sebagai sukarelawan. Anda tahu tak, apabila kanak-kanak mempunyai pengalaman sebegitu, mereka belajar berprihatin terhadap orang yang kurang bernasib baik. Saya juga telah berjumpa dengan sukarelawan-sukarelawan yang lebih tua yang sudah bersara – mereka semua sangat rajin dan telah mencari cara yang kreatif untuk mengutip wang, pakaian atau makanan.

F1 Anda begitu bersungguh-sungguh, ya?

M1 Tentu sekali. Orang-orang pelarian seperti kita juga. Mereka mengembara beratus-ratus batu, mengejar impian. Kebanyakan mereka hanya inginkan tempat tinggal yang tidak ada bahaya. Kadang-kadang mereka ingin disatukan semula dengan anggota keluarga mereka dan, sememangnya, ada sesetengah yang bertujuan untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik di sebuah negara kaya.

F1 Apakah anda rasa pengalaman ini telah mengubah diri anda?

M1 Semestinya! Sebelum ini, saya akan pergi bercuti dengan kawan-kawan dan membuang masa di tepi laut. Tetapi sekarang, kalau saya berbuat begitu, saya akan teringat kem pelarian di Calais dan saya tertanya-tanya sama ada saya membazir masa. Saya rasa, saya lebih matang sebab saya sedar betapa bertuahnya hidup saya.

F1 Terima kasih, Sam. **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
15 seconds	19 seconds	23 seconds	30 seconds

M1 Sekarang anda akan mendengar temu bual ini untuk kali kedua.

*(Repeat from * to **.)*

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
15 seconds	19 seconds	23 seconds	30 seconds

M1 Soalan-soalan 35 hingga 37

M1 Anda akan mendengar perbualan dengan Dani, seorang vlogger. Anda akan mendengar perbualan ini sebanyak **dua** kali.

M1 Ada **dua** tempat berhenti semasa perbualan ini.

M1 Bagi setiap soalan, tanda dalam **dua** kotak yang betul **A hingga E**.

M1 Sekarang anda ada masa untuk membaca kenyataan-kenyataan berikut.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
45 seconds	56 seconds	68 seconds	90 seconds

M1 * Dani, anda baru saja mula vlogging tetapi anda sudahpun mempunyai ramai pengikut ...

F1 Ya – saya sungguh tidak percaya ia jadi begini.

M1 Sesetengah vlogger membeli peralatan – seperti kamera istimewa...

F1 Ya, pada mulanya, saya fikir saya mungkin memerlukan sesuatu alat yang canggih. Tetapi saya dapati bahawa saya hanya memerlukan telefon saya.

M1 Betulkah? Dan anda membuat vlog tentang satu bidang sahaja...

F1 Setakat ini, ya – penjagaan kulit dan alat solek untuk remaja. Saya menilai produk, dan kalau ada sesuatu dalam berita, seperti pertunjukan fesyen, kalau saya bernasib baik saya akan dijemput untuk membuat vlog tentangnya.

M1 Bilakah anda mula berminat dalam bidang ini?

F1 Saya di kolej, sedang belajar di dalam bidang kimia apabila saya mendapat buah fikiran ini.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
20 seconds	25 seconds	30 seconds	40 seconds

M1 Jadi apa yang dimuatkan dalam vlog anda?

F1 Hmm, apabila sesuatu produk baharu keluar – terutama sekali sekiranya produk itu diguna oleh penyanyi atau pelakon, - saya akan mencubanya.

M1 Dan...

F1 Saya kata apa yang saya fikir: Saya berterus terang sama ada saya suka atau tidak, dan setakat ini pengikut–pengikut saya nampaknya menyokong pendapat saya.

M1 Pernahkah ada yang tidak bersetuju dengan pendapat anda?

F1 Sememangnya ada pengeluar produk yang tidak bersetuju. Tetapi kalau saya rasa sesuatu itu tidak baik untuk kesihatan, saya akan katakan.

M1 Adakah pihak pengeluar beri bayaran kepada anda?

F1 Mereka akan buat tawaran, tetapi saya akan menolak. Saya menjana pendapatan dari iklan-iklan di vlog saya, bukan daripada penilaian saya.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
20 seconds	25 seconds	30 seconds	40 seconds

M1 Bagaimanakah anda menilai produk-produk penjagaan kulit?

F1 Saya belajar ilmu kimia dan biologi, jadi saya tahu apa yang baik dan apa yang tidak... saya menganalisa bahan-bahan yang diguna dan membuat penyelidikan tentang bahan-bahan ini.

M1 Anda tidak mengujinya?

F1 Sebenarnya ya, saya sendiri mengguna bahan-bahan ini – atau saya meminta kawan-kawan saya mencubanya untuk saya.

M1 Adakah mudah untuk memulakan vlog?

F1 Mudah sahaja – ikut minat anda, tak payah ada pengalaman! Kalau anda suka melancong, mulakan vlog tentang tempat-tempat yang anda melawat, makanan atau budaya.

M1 Betulkah? Adakah anda akan menjadi vlogger selama-lamanya?

F1 Mungkin – saya dapati bahawa memang ada permintaan bagi bahan-bahan solekan yang dikeluarkan secara beretika untuk remaja. Siapa tahu, mungkin suatu hari saya akan mulakan perniagaan pula!

M1 Hebat! Terima kasih, Dani. **

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
45 seconds	56 seconds	68 seconds	90 seconds

M1 Sekarang anda akan mendengar perbualan ini untuk kali kedua

(Repeat from * to **.)

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
45 seconds	56 seconds	68 seconds	90 seconds

M1 Sekarang anda diberi masa selama **enam** minit untuk menulis jawapan anda ke atas kertas jawapan berasingan. Ikut arahan yang terdapat di atas kertas tersebut.

E There will now be **six** minutes for you to copy your answers onto the separate answer sheet. Follow the instructions on the answer sheet.

Standard pause	25% extra version	50% extra version	100% extra version
6 minutes	7 minutes 30 seconds	9 minutes	12 minutes

M1 Ujian tamat.

E This is the end of the examination.

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (Cambridge University Press & Assessment) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

Cambridge International Education is the name of our awarding body and a part of Cambridge University Press & Assessment, which is a department of the University of Cambridge.